


Usia 20-an masa terbaik tetapkan matlamat kewangan

Lepasan graduan perlu bijak urus wang sebaik terima gaji pertama



GRADUAN yang baru memasuki pasaran pekerjaan perlu mula merancang matlamat kewangan sebaik menerima gaji pertama.

URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

MELANGKAH ke alam pekerjaan adalah titik permulaan untuk mendalami aspek pengurusan kewangan.

Malah, itulah masanya untuk mengetahui akaun perbankan mana yang perlu dipilih bagi memenuhi keperluan kewangan.

Pada peringkat usia 20-an ketika anda mula melangkah ke alam pekerjaan, anda akan didatangi ejen insurans, pegawai pemasaran kad kredit atau pegawai pinjaman perumahan, kereta dan sebagainya.

Jika pendapatan tahunan anda melebihi RM18,000, maka anda boleh memohon kad kredit.

Namun sebelum berbuat demikian, bandingkan kad yang ditawarkan, dan apa yang lebih penting, ketahui bagaimana cara terbaik untuk mengurus penggunaan kad itu kerana penggunaan yang tidak terkawal boleh membawa bebanan kewangan kelak.

Jika anda ingin membeli rumah atau kereta sendiri, ada pula pelbagai pinjaman perumahan dan skim sewa beli kenderaan yang ditawarkan oleh pelbagai institusi perbankan.

Sekali lagi, bandingkan produk yang ditawarkan, dan buat perbezaan harga dan ciri-ciri pinjaman.

Anda juga perlu ingat bahawa pada peringkat umur ini jugalah masa terbaik untuk anda mula merancang matlamat kewangan masa depan.

Ini termasuklah untuk mendirikan rumah tangga, membeli rumah, kereta dan sesuatu yang sering diabaikan banyak pihak, merancang untuk persaraan.

Bagaimanakah caranya untuk kita menetapkan matlamat kewangan seperti di atas?

Untuk menetapkan matlamat kewangan, anda perlu mengetahui dari mana punca kewangan atau pendapatan anda dan ke mana pula ia akan mengalir.

Apabila menetapkan matlamat kewangan ini, berikan perhatian kepada apa yang anda nilaikan dalam kehidupan anda.

Tanpa mengetahui apa



SAAT melangkah ke alam pekerjaan juga menjadi titik permulaan mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk kegunaan selepas persaraan.

Untuk menetapkan matlamat kewangan, anda perlu tahu dari mana punca kewangan atau pendapatan anda dan ke mana pula ia akan mengalir

yang penting kepada anda secara peribadi, adalah sukar untuk anda menetapkan satu matlamat kewangan.

Jika anda menetapkan matlamat untuk memiliki rumah sendiri dalam tempoh selepas lima tahun bekerja, anda akan berusaha ke arah mencapai matlamat itu, tetapi jika tidak menetapkan sasaran itu, anda tidak berusaha mencapainya.

Justeru, catatkan matlamat kewangan anda itu. Sekadar berangan-

angan, ia tidak akan menjadi kenyataan kerana kita mungkin akan terlupa.

Apabila menulis matlamat kewangan itu, cuba catatkan secara terperinci.

Tiada guna menulis: "Matlamat saya adalah untuk mempunyai wang yang banyak di bank".

Sebaliknya, tuliskan berapa banyak jumlah yang mahu dikumpulkan seperti RM50,000 atau RM500,000 misalnya dan berusaha menyimpan wang atau melabur wang gaji anda

untuk mencapai sasaran itu. Apa yang lebih penting lagi, kenal pasti bilakah masanya anda dapat mencapai sasaran itu.

Untuk itu, tetapkan sasaran itu sebagai matlamat jangka pendek (kurang dari setahun), jangka sederhana (setahun hingga tiga tahun) dan jangka panjang lebih daripada tiga tahun.

Perancang kewangan selalunya menasihatkan individu supaya menetapkan matlamat jangka pendek untuk menyimpan sebanyak RM5,000 dalam tempoh enam bulan yang boleh anda gunakan untuk membayar wang pendahuluan membeli kereta.

Matlamat jangka sederhana pula adalah sebanyak RM20,000 untuk membayar wang pendahuluan bagi membeli rumah pertama.

Matlamat jangka panjang pula adalah untuk menyimpan sehingga RM100,000 dalam akaun persaraan dalam jangka masa lima tahun.